

Temu pengarang bersama Zaen Kasturi sangat mengujakan

UB 13.10.2019 16

SEMUA tempat duduk di bilik Deru Sipadan, Hotel Sri Perkasa penuh dengan peserta, dan sebilangandari-pada mereka adalah golongan anak muda yang datang dari UMS dan IPG Kent Tuaran. Suasana perkongsian ilmu dalam program Temu Pengarang bersama Zaen Kasturi hari itu sangat mengujakan.

Para peserta khushuk mendengar patah-patah perkataan penulis Ke Ruang Kataris itu ketika memperkatakan mengenai penulisan sajak dan cerpen yang telah digelutinya sejak sekian lama. Malah Zaen begitu terkenal dengan gaya bahasanya yang mencabar minda para pembaca karyanya.

Zaen Kasturi bukanlah sebuah nama baru dalam arena kesusasteraan di negara ini, malahan individu ini amat dikenali di Singapura, Indonesia, Thailand serta beberapa negara Asia yang lain. Meskipun demikian, Zaen tetap berperwatakan rendah diri dan tidak lokek mencurah ilmu.

Begitulah pengalaman beberapa orang peserta dalam program bersamaan 28 September 2019 itu. Mereka begitu teruja apabila membaca iklan melalui media sosial oleh PSBS (Paersatuan Sastera dan Budaya Sabah) dan Teamgagau yang menganjurkan Temu Pengarang bersama Zaen Kasturi.

"Saya sanggup datang dari Beaufort semata-mata untuk berjumpa secara dekat den-



Zaen Kasturi sedang berbicara di hadapan audiens.

LINAH BAGU

gan Zaen Kasturi. Saya amat meminati tulisannya, dan ingin tahu petuannya dalam menulis sesebuah karya yang bermutu," ujar Asmawati Massil, penulis dari Beaufort.

Asmawati Massil penulis drama radio RTM Sabah awal tahun 90-an, penulis cerpen dan sajak, sebelum menghilang dalam dunia kesusasteraan Sabah buat beberapa ketika. Baru-baru ini, Asmawati kembali lagi dengan beberapa buah cerpen dan sajak yang disiarkan di dada akhbar tempatan.

Asmawati yang juga adalah 'anaksulung' program Minggu Penulis Remaja DBP Sabah '90 menyifatkan kehadiran Zaen Kasturi di Sabah hari itu sebagai suatu pembawa udara segar dalam sastera di Sabah yang dilihatnya lambat berkembang.

"Saya bukan memaksudkan bahawa semua penulis di Sabah begitu... tetapi apa yang saya



SANTAI: Asmawati Massil (kanan), Ross Nina Ahmad (tengah) dan Fauziah Moxsin (kanan).

dapati melalui pembacaan, penulis baru kurang berani tampil dengan idea baru. Bahkan saya melihat mereka kembali ke belakang. Penulis generasi 90-an dan sebelumnya pula hanya beberapa kerat yang menulis," katanya.

Kerana mahu menyelami bidang kesusasteraan dengan lebih serius, Ketua Jabatan Bahasa IPG Kent, Linah Bagu, membawa sepuluh orang pelajar daripada Jabatan Bahasa

IPG Kent untuk mendekati sendiri penulis seperti Zaen Kasturi yang telah memenangi SEA Write Award 2010 itu.

Kata Linah, penganjuran Temu Pengarang yang dilibatkan oleh PSBS dan Teamgagau adalah suatu hal yang perlu dimanfaatkan oleh para pelajar yang meminati dunia penulisan, meskipun mereka memilih bidang perguruan atau bidang lain sebagai 'padang utama' kehidupan



POSE ISTIMEWA: Pelajar IPG Kent mengambil kesempatan bergambar sama dengan tetamu Temu Pengarang, Zaen Kasturi (belakang, tengah).



IDEA SENI: Siba Nita AS, Hasyuda Abadi, Linah Bagu, Zaen Kasturi dan Norawi HJKata.

mereka kelak.

"Bidang kesusasteraan begitu luas. Siapa-siapa pun boleh menceburinya kerana ia tidak memerlukan syarat-syarat akademik tertentu. Cuma uniknya, hanya mereka yang benar-benar menggelutidunia penulisan yang mampu mencapai 'konteks' sastera ini sendiri," jelas Linah.

Zaen Kasturi yang menjadi tetamu Temu Pengarang itu menyifatkan kunjungan ke

Sabah kali ini sejak 1992 adalah suatu 'lompatan' yang mengujakan. Ketika itu katanya, dia ditugaskan mewawancara Datuk Ismail Abas (Amil Jaya) dan beberapa penulis lain untuk projek biografi penulis Wajah.

Melalui penelitian beliau sejak lama katanya, Sabah memiliki tradisi penulisan kreatif yang kukuh dan berkesinambungan sehingga kini. Namun begitu menurut Zaen,

penulis muda Sabah memerlukan persaingan secara positif dan sihat.

"Penulis muda harus diberi peluang mencipta ideologi dan pegangan sendiri dalam stail mereka melahirkan karya. Saya melihat, beberapa orang penulis generasi baru di Sabah ini mempamerkan kemampuan bersaing di peringkat nasional.

"Keghairahan menulis pada era 80-an dan 90-an patut dikembalikan, kerana pada tahun-tahun tersebut, tekstur dan ciri-ciri kekuatan karya dari sini sangat terserlah. Ia begitu berbeza dengan karya rakan-rakan mereka dari Semenanjung Tanah Melayu," ujarnya lagi.

Program yang dirasmikan penutupannya oleh Lamsil Hamidsor itu turut diserikan lagi oleh kehadiran beberapa orang penulis Sabah seperti Ramlie AR, Norwi Hj Kata, Hasyuda Abadi, Hasan Jaidin, Ruhaini Matdarin Rita Robert Rawantas, Siba Nita AS aka Imam Samudera Sabah dan Wilter Gunik. (Artikel sumbangan Mambulmaldin Haji Shaidin)



Zaen bersama perasi penutupan program Temu Pengarang, Pengarah Strategik WARISAN Kota Beludm Lamsil Hamidsor (tengah).



Zaen Kasturi (dua dari kiri) bergambar sama dengan Norawi Hj Kata (kiri), Hasyuda Abadi (tiga dari kiri), Hasan Jaidin (tengah) dan beberapa penulis lain serta para peserta program.